

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 1 RABU 5 JANUARI 1972. 1391 رابو 18 ذوالقعدة PERCHUMA

TITAH TAHUN BARU D.Y.T.M. TIMBALAN SULTAN



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, selaku Timbalan Sutan telah menyampaikan titah perutusan kepada keseluruhan raayat dan penduduk di-negeri ini bersempena menyambut tahun baru 1972 melalui Radio Brunei pada hari Sabtu lepas.

Titah perutusan Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan sa-penohnya ada-lah seperti berikut:

AL-HAMDULILLAH, Beta mengucap shukor kehadzarat Allah Subhanahu-wataala kerana dengan izinnya, sa-panjang tahun 1971 yang baharu saja tamat, Negeri Brunei dan raayat penduduk serta laila isi didalam-nya menikmati keadaan suasana yang aman tenteram dan ma'amor.

Pada menyambut dan mengalu2-

kan ketibaan tahun 1972 ini, Beta berdo'a kapada Allah mudah2an keadaan yang baik yang telah di-anugerahkan-Nya kapada kita semua di-Brunei ini akan terus kita nekmati sa-panjang tahun 1972 ini dan di-tahun2 yang akan datang. Beta berharap Pegawai2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan raayat penduduk serta laila isi dalam seluroh Negeri Brunei yang di-chintai ini akan melaksanakan tugas2 mereka dengan lebeh2 lagi menumpukan laila hasrat hati yang jujur dan berkebakikan pada mengharumkan nama baik Negeri Brunei Darus Salam dan menguatkan usaha pada melambangkan kedaulatan Sultan dan Yang Di-Pertuan yang di-jadikan

(Lihat muka 8)

MEMBENTOK MASHARAKAT BRUNEI YANG SEHAT DAN BAHAGIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seluroh raayat Brunei, khas-nya penduduk yang turut berlandong di-Brunei telah di-ingatkan supaya patoh kapada undang2 negara.

Mereka juga di-seru supaya memainkan peranan dengan penoh tanggung-jawab dan perasaan ikhlas dalam usaha untuk membentok sa-buah masharakat Brunei yang sehat dan bahagia serta sa-buah negara yang kukoh dan aman makmor.

Seruan itu telah di-buat oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin pengiran Haji Abdul Rahim dalam perutusan tahun baru beliau kapada seluroh raayat yang di-siarkan melalui Radio Brunei pada 1 Januari yang lalu.

Beliau bersabda walau pun Brunei Darussalam sa-buah negeri yang kecil tetapi kita wajib berusaha dan memainkan peranan kita serta memberikan sumbangan kita kapada kententeraman dunia 'am-nya.

(Lihat Muka 8)



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.

Belia2 di-seru supaya menunjokkan ta'at setia yang tulin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umum kapada kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim telah menyeru seluroh belia di-negeri ini supaya menumpukan ta'at setia yang tulin kapada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Beliau berkata bahawa sambil kita mengalu2kan tahun baru 1972 harus-lah kita merenong kembali di-tahun2 yang lalu dan apa-kah churak yang mempengaruhi kehidupan kita di-tahun2 yang akan datang.

"Saat ini-lah saat yang baik bagi kita semua menguatkan azam untuk berusaha terhadap kebajikan dan kebaikan negara dan masharakat" ujar-nya.

Yang Berhormat itu menyambong lagi bahawa saat ini-lah juga saat yang paling bersukut bagi kita untuk memba-

(Lihat muka 4)

HARGA BERAS SIAM TURUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga jualan runchit bagi beras Siam jenis tiga 'A' di-negeri ini telah di-turunkan mulai semalam — 4hb. Januari, 1972.

Pengawal Setor2 Kerajaan, Awg. A.S. Newn ketika mengumumkan

perkara itu menyatakan harga baru bagi tiap2 sa-gantang beras Siam ada-lah seperti berikut:

Di-Bandar Seri Begawan ia-lah \$1.80, di-Tutong dan Muara — \$1.85 dan di-Kuala Belait, Seria dan Temburong ia-lah \$1.90 sa-gantang.

KOLERA DI-KUCHING: BRUNEI BUKA LANGKAH BERJAGA2

ADA-LAH di-umumkan dengan rasmi di-Kuching bahawa wabak taun atau kolera telah berlaku di-Bahagian Pertama, Sarawak.

Sa-orang juruchakap Perkhidmatan Perubatan telah mengingatkan penduduk2 Brunei supaya bersuntek bagi mencegah penyakit itu dan mengikut segala langkah kesihatan yang perlu.

Orang ramai di-nasehatkan jangan membeli barang2 makanan yang di-datangkan dari Sarawak.

Mereka mesti-lah jangan membeli ice cream, satay dan lain2 barang makanan dari penjaja2 yang tidak berlesen.

Mereka mesti-lah menjaga kebersihan seperti jangan memakan makanan yang tidak di-masak, ayer minum hendak-lah di-masak, dan tangan hendak-lah di-chuchi sebelum makan.

Orang ramai mesti-lah menggunakan ayer panas untuk membasoh pinggan mangkok terutama sekali di-kedai2 makan.

Mereka mesti-lah membersekan kawasan rumah supaya alat tidak akan mudah membiak, ayer minum serta lain2 barang makanan mesti-lah di-tutup dari di-hinggap oleh alat dan segala sampah sarap hendak-lah di-tanam atau di-bakar.

Jabatan Kesihatan di-Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait juga sedang mengambil langkah2 untuk mencegah merebak-nya penyakit itu ka-negeri ini.

Semua penumpang2 dan anak2 kapal yang baru sampai dari Bahagian Pertama Sarawak akan di-letak di-bawah jagaan sa-lama lima hari.

Semua penumpang2 dan anak2 buah kapal yang baru sampai dan tidak mempunyai sijil2 suntikan kolera yang sah akan di-suntik di-tempat pemeriksaan dan akan di-letak di-bawah jagaan sa-lama lima hari.

Semua kapal2 yang sampai dari Bahagian Pertama Sarawak atau kapal2 yang telah singgah di-sana akan berlaboh di-satu kawasan yang bertanda dengan bendera.

Barang2 yang lekas burok yang di-datangkan dari Bahagian Pertama Sarawak juga tidak di-benarkan di-punggah dari kapal.

Sementara itu Pengarah Laut menyatakan, tidak ada perhubungan langsung akan di-buat dengan satu2 kapal yang terasing, kecuali dengan pegawai2 Kerajaan yang sedang bertugas, sa-hingga mereka akan di-benarkan oleh pegawai Kesihatan Pelabuhan.

Kata-nya, semua penumpang2 dalam kapal itu dan pegawai2 Kerajaan yang naik ka-dalam kapal itu, sa-lepas sahaja ia-nya masuk ke-perayeran2 Brunei, hendak-lah tinggal dalam kapal itu sa-hingga ia di-bebaskan, atau di-beri kebenaran sa-chara bertulis untuk meninggalkan kapal itu oleh Pegawai Kesihatan Pelabuhan.

Pegawai2 AMDB berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan Askar Melayu Diraja Brunei, Kapitan Husain bin Ahmad dan Major Musa bin Yaakub telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu.

Kapitan Husain akan menghadiri Kursus Turus dan Pmerentahan Rendah di-School of Infantry, Warminster, sementara Major Musa akan menjalani satu Kursus Turus Tentera di-Maktab Turus Tentera British, Camberberg selama sa-tahun.

Sementara itu Kopral Bujang bin Abdul Hamid dari Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad lepas untuk menghadiri kursus juruteknik radio sa-lama lapan bulan di-Pusat Latehan Semboyan Diraja Khemah Catterick.

Kopral Bujang yang pulang ka-Brunei dari United Kingdom hanya sa-tahun yang lalu



HUJAN yang turun dengan lebat-nya dua hari2 berturut2 pada hujung minggu yang lalu telah menyebabkan beberapa batang jalan raya di-Jalan Tutong dan Ja-Berakas telah di-banjiri oleh ayer. Sa-tengah2 jalan raya itu di-naiki ayer sa-dalam dua kaki dan hanya boleh di-lalui oleh kenderaan2 berat sahaja.

Gambar atas menunjukkan jalan raya di-batu 19 Jalan Tutong sah-lah sa-buah jalan raya yang telah di-timpa banjir.

Sambutaan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bahtamu, akan menyambut Hari Raya, dengan mengadakan persembahan2 berchorak ugama di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, pada 4 Februari hadapan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, ini ada-lah tahun ketiga Bahtamu mengadakan sambutan itu yang merupakan satu daripada projek tahunan-nya.

Achara2 yang akan di-persembahkan, termasuk peraduan2 membaca sajak dan Hadzrah, yang terbuka kepada orang2 perseorangan, persatuan2 belia dan kebajikan dan kampung2 di-Daerah Brunei/Muara.

Pulang sa-telah berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai Bomba telah pulang ka-Brunei dari Malaysia Barat pada hari Isnin, sa-telah menamatkan satu kursus sa-lama 40 hari di-Pusat Latehan Pasokan Bomba, Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Hussein bin Hassan, Pegawai Balai, Awg. Yusof bin Ibrahim dan Awang Jahari bin Ahmad, kedua2-nya Pembantu Pegawai Balai.

Tempat memancing ikan di-Sg. Jambu menjadi tumpuan ramai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan telah menerima beratus2 permohonan bagi kebenaran memancing ikan di-Kolam Ikan Sungai Jambu di-Gadong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan itu berkata sejak kolam itu di-buka bagi memancing sa-bulan yang lalu sa-banyak 831 ekor ikan telah ditangkap.

Kolam ikan sa-luas dua ekar itu ada-lah di-sisi dengan beribu2 ikan yang terdiri dari enam jenis yang sekarang mencapai berat hampir2 lapan kati sa-ekor.

Satu surat kebenaran di-ke-luarkan untuk satu lawatan ka-kolam itu dan memancing dengan satu pancing sahaja.

Sa-barang ikan yang di-perolehi ada-lah hak kepunyaan orang yang menangkap-nya.

Di-sebabkan oleh ruang yang terhad hanya dua puluh surat kebenaran sahaja dapat di-ke-luarkan pada satu2 masa dan ini akan di-ke-luarkan kepada orang2 yang datang lebeh awal.

Majalah Intisari Belia maseh di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Intisari Belia terbitan Majlis Melia2 Negeri Brunei yang mula di-jual di-Kongres Agong Perwakilan Belia pada hari Sabtu lepas telah mendapat sambutan hangat di-kalangan belia2 tanah ayer.

Sa-orang juruchakap majlis

itu menyatakan bahawa hampir2 200 nashkah telah di-jual dalam kongres tersebut.

Majalah itu akan terus di-jual kepada belia2 yang ingin memileki-nya dengan harga \$1.00 sa-nashkah.

Mereka yang ingin membeli majalah itu boleh-lah berhu-

bong terus kepada Pengerusi jawatankuasa Penyelenggara Penerbitan itu, Ag. Yahya bin Hj. Ibrahim, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama atau kepada Awang Ahmad Arshad di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan dan Awang Ahmad Kadi di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

MANUSIA YANG TIDAK BERSHUKOR ATAS NEKMAT YANG DI-KURNIAKAN ALLAH

ALLAH Subhanahu-wataala mengurniakan kepada kita nikmat2 yang tidak terhingga banyaknya dan sa-bahagian daripada golongan manusia tidak bershukor ka-atas nikmat2 tersebut. Pengertian bershukor termasuklah menggunakan nikmat2 itu pada tempatnya menurut ajaran2 Allah, seperti bagi yang berada menolong orang yang kurang bernasib baik.

Perkara ini di-nyatakan oleh Allah dalam firman-nya dalam Surat Al-Malik ayat 23 yang bermaksud:

"Katakan lah dia-lah (Allah) yang menjadikan kamu dan mengadakan untuk kamu pendengaran, penglihatan, perasaan dan fikiran, sedikit sekali kamu bershukor".

Menyentuh perkara ini, Abi Hurairah meriwayatkan bawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya-nya ada tiga orang daripada golongan bani Israel, sa-orang berpenyakit kulit, sa-orang kepala-nya botak (gondol tidak berambut) dan sa-orang mata-nya buta. Allah Subhanahu-wataala berkehendakkan untuk menguji ketiga2 orang itu, maka diutus-nya kepada mereka sa-orang Malaikat.

Mula2 Malaikat itu menjumpai orang yang berpenyakit kulit seraya berkata:

"Apakah yang paling tuan sukai?"

Ia menjawab: **"Warna yang chantek, kulit yang lichin menghilangkan penyakit yang saya alami yang mana menjadi sebab kebencian orang kepada saya".**

Maka Malaikat itu pun menyapu orang tersebut, hilanglah penyakit-nya, berganti dengan warna yang chantek kulit yang lichin.

Kemudian Malaikat itu bertanya lagi: **Harta apa yang tuan sukai?"**. Jawab-nya: **"Unta".**

Malaikat itu pun memberi-nya unta yang sedang hamil, seraya berdo'a semoga Allah membarkati-nya.

Kemudian Malaikat itu menjumpai orang yang botak pula seraya berkata: **"Apa yang paling tuan sukai?"**. Jawab-nya: **"Rambut yang chantek yang boleh menghilangkan kegondolan kepala saya yang**



KHUTBAH JUMA'AT

"Pengertian bershukor, termasuklah menggunakan nikmat2 itu pada tempat-nya"

sa-lama ini menjadi kebiasaan orang".

Kemudian Malaikat itu pun menyapu kepada-nya. Sa-ketika itu jua hilanglah kegondolan-nya berganti dengan rambut yang chantek.

Sa-sudah itu Malaikat itu bertanya lagi: **"Harta apa yang tuan sukai?"**.

Jawab-nya **"Sapi".**

Maka Malaikat itu pun

memberi-nya sapi yang sedang hamil, seraya berdo'a semoga Allah memberkati-nya.

Kemudian Malaikat itu menjumpai pula orang yang buta, seraya berkata: **"Apa yang paling tuan sukai?"**

Jawab-nya: **"Semuga Allah mengurniakan kepada saya penglihatan".**

Maka Malaikat itu pun menyapu-nya dan kemabli-lah penglihatan-nya.

Kemudian Malaikat itu bertanya lagi: **"Harta apa yang paling tuan sukai?"**.

Jawab-nya: **"Kambing".** Maka Malaikat itu pun memberi kambing yang beranak.

Tahun berganti tahun, ketiga2 orang itu telah menjadi kaya raya. Masing2 dengan ternakan yang di-dapati-nya daripada Malaikat itu.

Pada suatu hari datanglah Malaikat itu dalam keadaan sa-orang yang berpenyakit kulit, menjumpai orang yang du-

lu-nya berpenyakit kulit itu seraya berkata:

"Saya orang miskin dan melarat, tiada punya harpan dalam pengembaraan saya, tiada harta untok mencapai maksud saya, kechuali berharap kepada Allah dan kemudian kepada tuan. saya memohon kepada tuan sa-ekor binatang ternakan tuan untok saya gunakan dalam pengembaraan saya". Orang itu menolak permohonan tersebut.

Malaikat itu berkata lagi:

"Saya sa-akan2 kenal kepada tuan, bukan-kah tuan dulu-nya berpenyakit kulit seperti saya dan tuan di-benchi oleh orang. Kemudian penyakit tuan itu di-sembohkan dan di-ganti dengan kulit yang lichin dan chantek, bukankah tuan dulu-nya sa-orang miskin dan melarat, kemudian di-kurniakan dengan binatang ternakan hingga tuan menjadi kaya raya".

Orang itu menjawab: **"Bahawa harta ini ada-lah pusaka yang aku warithi daripada da-to nenek ku".**

Kemudian Malaikat itu berkata: **"Kira-nya tuan sa-orang pembohong!, maka Allah akan mengembalikan tuan kepada keadaan tuan dahulu".**

Demikian juga jawapan orang yang dahulu-nya botak dan gondol itu, tetapi orang yang duhulu-nya buta memberikan jawapan yang lain dengan mengakui bahawa ia memang dahulu-nya sa-orang yang buta dan Allah mengurniakan-nya ternakan yang mana dari ternakan tersebut ia-nya menjadi kaya.

Dengan wajah yang berseri2 serta penoh keikhlasan ia-nya berkata: **"Tuan ambil-lah apa yang tuan suka dan tinggalkan-lah yang mana tuan tidak suka, dengan nama Allah saya tidak-lah menyusahkan tuan, kerana sa-suatu yang tuan ambil sa-mata2 kerana Allah".**

Maka Malaikat itu pun berkata: **"Pegang-lah dan peliharalah harta mu, bahawasanya kamu telah di-uji dan tuan telah berjaya dalam ujian tersebut. Tetapi kedua2 sahabat tuan itu telah menerima kemurkaan Allah".**

Demikian-lah gambaran keadaan sa-bahagian manusia. Ada yang bershukor ka-atas nikmat dan rahmat Tuhan yang di-kurniakan-nya kepada mereka dan ada pula yang sabalek-nya. Hendaknya-lah semuga Allah Subhanahu-wataala memasokkan kita ka-dalam golongan orang2 yang bershukor itu dan mendapat keredhaan-nya di-dunia dan di-akhirat. Amin ya rabul alamin.

PEMBETULAN

SEDIKIT kesalahan telah berlaku dalam kandungan Khutbah Juma'at dalam perenggan yang ke-14 yang di-siarkan pada minggu lalu.

Perenggan tersebut hendaklah di-bacha saperi berikut:

Sa-sudah itu orang itu pun memohon kepada Tohan Rabul Jalil: **"Demi Tohan yang pengasih dan penyayang, dengan limpah rahmat dan kurnia mu, aku pohonkan supaya aku dimasokkan ka-dalam shorga".**

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Januari, 1972 hingga ka-hari Selasa 11 Januari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Matahari Terbit
5 Januari	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12 6-29
6 Januari	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14 6-31
7 Januari	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14 6-31
8 Januari	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14 6-31
9 Januari	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14 6-31
10 Januari	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14 6-31
11 Januari	12-35	3-55	6-31	7-43	4-01	5-16 6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.



(Shb. Januari, 1972)

HADAPI CHABARAN DENGAN SABAR

TAHUN2 yang baru berlalu telah menjelmakan beberapa chabaran hidup yang besar tetapi dengan ketabahan serta semangat kita kesemua-nya telah dapat kita tempohi dengan penoh kesabaran.

Masaalah2, rintangan2 malah chabaran2 itu akan terus menerus "meluyah" ka-tahun2 yang akan datang dan mungkin akan bertambah berat serta sukar untuk di-sempurnakan.

Demikian yang telah disabdakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam perutusan tahun baru 1972.

Dalam pada itu beliau merasa optimis bahawa dengan sabul semangat, daya-usaha dan keyakinan seluruh rakyat Brunei ini, kejayaan yang bertahun2 yang telah kita capai akan terus dapat di-chapai lagi malah chara hidup Brunei Darussalam kita ini akan tetap dapat di-tegakkan dan terus diperkukuhkan.

"Sa-bagai sa-buah negara yang berchogankan "terus maju", Negeri Brunei sentiasa berusaha untuk mempertahankan keharmonian, kemakmuran-nya dan kebahagiaan serta kesentosaan dan keselamatan rakyatnya."

Ini-lah satu ikrar yang dapat di-katakan sa-bagai dasar pemerintahan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia. Perkara ini, sungoh pun telah menjadi bahan pendengaran yang utama di-kalangan seluruh rakyat negeri ini, tetapi ia-nya memerlukan sumbangan dan sambutan yang tulen yang tidak berbelah-bahagi. Ada-lah tidak menchukupi jika soal2 dasar ini hanya menjadi bahan pendengaran sahaja, tetapi ia-nya ada-lah juga memerlukan praktik-nya sekali dengan chara2 yang bersesuaian demi untuk melicinkan penerusan chita2 dasar kerajaan itu.

Tahun 1971 yang kita tinggalkan telah memberikan kepada kita akan gambaran2 yang dapat di-pegang betapa negara kita sekarang ini telah memasuki ka-satu peringkat yang benar2 memerlukan sumbangan2 rakyat di-bidang2 yang di-sebukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu.

Beliau menyebut juga bahawa rakyat Brunei Darussalam yang sentiasa chintakan keamanan pada saat seperti ini hendaklah terus bertenang dan berusaha dengan fikiran yang waras dan tidak letas memperchayai khabar2 yang sengkaja di-ada2kan untuk menghasut dan memutar-belitkan perkara2 yang benar.

Dalam dunia moden yang tidak putus2 memaksa manusia hidup umpama aur dengan tebing, kita yang tinggal dalam sebuah negeri yang kecil sudah kena pada tempat-nya mengharap bantuan dan perlindungan baik dari segi keselamatan dan ketenteraman mau pun pembangunan dari negara2 yang sudah maju dan yang benar2 kokoh dan berjasa.

M.B.B. AKAN MENERUSKAN KHIDMAT-NYA KAPADA NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Suasana dan masaalah peringkat perjuangan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang akan datang ini adalah lebih banyak di-ilhami oleh Pindaan Perjanjian 1959.

Belia2 negeri ini ada-lah terlibat dalam perjanjian itu dan ia-nya merupakan suatu chabaran kepada beliau2 khas-nya jika disoroti intisari dari titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sudah menanda-tangani pindaan perjanjian itu.

Demikian menurut Yang Di-Pertua Majlis Belia-Belia Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awg. Haji Md. Zain dalam ucapan-nya di-majlis pembukaan Kongres Agong Perwakilan Belia di-Pusat Belia pada 1 Januari lepas.

Beliau menarek perhatian perwakilan itu dengan menyebut semula titah Duli Yang Maha Mulia yang menyaranakan bahawa memang sudah teradat yang sa-suatu perjanjian atau pindaan kepada perjanjian akan di-ikuti oleh beberapa perubahan dalam kehidupan dan sistem sa-sabuh negara.

Perubahan2 itu merupakan penambahan tanggung-jawab kepada satu pihak dan kurang-nya kewajipan pihak yang lain.

Kapada seluruh rakyat negeri ini, terutama yang Baginda umahkan pada melaksanakan pentadbiran kerajaan Baginda, Baginda berseru supaya mereka masing2 mempertahankan pada memikulnya.

Ini-lah suasana, ini-lah masaalah peringkat yang sedang di-masuki oleh MBB sa-sudah ia lulus dan menchapai dengan jaya-nya peringkat mengenalkan diri-nya dengan membawa rekod2-nya yang boleh di-anggap chemerlang mengikut suasana dan kemampuan-nya", tegas Yang Di-Pertuan MBB itu.

Beliau menegaskan lagi bahawa MBB bukan-lah pertubuhan yang berchorak partai politik, tetapi MBB ia-lah sa-buah pertubuhan yang didalam-nya bergabung persatuan2 dan badan2 belia dan kebajikan — dan pergerakan-nya ia-lah dalam bidang kebajikan sesuai dengan kehendak2 perlembagaan negeri ini.

Kerana itu, jelas beliau, sa-belum melangkah jauh memasuki peringkat baru itu, maka MBB terlebih dahulu melihat diri-nya, mengkeritik diri-nya dan melihat di-mana kelemahan2 yang ada dalam diri-nya.

Sa-sudah itu, kata-nya, MBB akan merumuskan chara2 mengatasi-nya dan memperkemas pergerakan-nya. Dan, kerana itu-lah dalam kongres tersebut telah di-bincangkan mengenai dengan dasar perhubungan persatuan2 belia dan kebajikan yang ada sangkut-paut-nya dengan MBB.

Beliau sekali lagi memberi tahu sidang kongres itu bahawa peringkat yang akan datang di-masuki sekarang ia-lah peringkat memperkemas diri belia2 bagi mempelajari isi dan maksud kehendak pindaan perjanjian 1959 — dan memperkemas diri bagi menjunjung dan menyahut dengan jujur-nya titah D.Y.M.M. sa-lepas Baginda menanda-tangani pindaan perjanjian itu.

Akhir-nya beliau menyampaikan ikrar beliau bahawa Majlis Belia2 akan meneruskan pergerakan-nya untuk berkhidmat kepada Brunei

Darussalam di-bawah naungan dan daulat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei semata2 memohon keredhaan Allah.

Pengertian ta'at setia yang sa-benar

(Dari muka 1)

harui dan memperkukuh ikrar taat setia kapada Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda

Yang Berhormat itu telah beruchap demikian sa-masa melakukan pembukaan rasmi Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 yang di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan hari Sabtu lalu.

Penasehat Umum itu menjelaskan bahawa taat setia bererti mengamal dan mengerjakan perubahan yang jujur dan berkeabajikan yang bertujuan bukan saja memelihara nama baik bahkan juga untuk memperkukuhkan lagi kedaulatan bersultan yang memrentah di-atas singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam.

"Kita patoh segala sa-suatu itu oleh kerana kita benar2 yakin akan kemuliaan dan ketinggian darjat-nya untuk kebaikan kita sendiri — kebaikan dan kesejahteraan keluarga, sahabat handai dan sa-terusnya masyarakat kita".


Beliau menambah, taat setia merupakan unsur kehidupan kita yang sangat penting di-mana ia-nya mencherminakan kedaulatan pemerintahan bersultan yang kita warisi turun temurun

Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa Kerajaan samemang-nya mengharapkan sukongan dan tenaga dari para belia di-seluruh tanah ayer untuk menyambut baik seruan Kerajaan di-masa akan datang.

Beliau juga menguchapkan tahniah kapada semua belia2 yang telah menchapai beberapa kemajuan di-bawah pimpinan Yang Di-Pertua M.B.B. dan beliau berharap supaya belia2 akan memberikan sumbangan yang lebih hebat dan lebih berkesan lagi pada pembangunan Negeri Brunei Darussalam.

Latehan hutan di-Pulau Muara Besar

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei sedang menjalankan latehan hutan di-Pulau Muara Besar. Latehan yang bermula pada 3hb. Januari itu akan berakhir



Persatuan PERTIWI telah mengadakan Mashuarat Agong yang ketiga pada hari Ahad lepas di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan. Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari ahli2 dan jemputan2 khas yang telah hadhiri di-majlis tersebut.



Kejadian tanah runtuh telah berlaku di-Kota Batu dan menyebabkan sa-paroh dari jalan raya dekat dengan Muzium yang baru itu telah rosak (saperti gambar di-atas). Kejadian itu berlaku akibat hujan yang turun dengan lebat-nya dua hari berturut2 pada penghujung minggu lepas. Pemandu2 kereta ada-lah di-nasehatkan supaya memandu dengan sa-beberapa chemat apabila melintasi jalan tersebut terutama sekali pada waktu malam.

379 orang chalon lulus pereksa Bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 379 dari 481 orang chalon telah lulus peperiksaan bahasa Inggeris yang di-adakan di-Maktab SOAS bulan lalu.

Dari jumlah itu, 123 orang lulus peperiksaan Primary Dua; 98 Primary Empat; 83 Primary Enam; 46 lulus Form Satu dan 29 lulus Form Dua.

Peperiksaan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sementara itu, kelas bahasa Inggeris bahagian dewasa di-Maktab SOAS, akan di-buka pada hari ini, 5 Januari dan penuntut2 mulai belajar pada pukul 6.00 petang, bukan-nya 4.30 petang, saperti yang sudah2.

Mereka yang ingin mengikuti pelajaran itu boleh-lah mendaftar nama, pada masa dan tarikh tersebut di-Maktab SOAS.

pada 8 Januari ini.

Peluru2 kosong akan di-gunakan semasa latehan itu.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya tidak berasa chemas.

PERISTEWA2 SA-MINGGU DI-AKHIR TAHUN 1971



Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Pengiran Anak Hj. Abdul Aziz sedang menyampaikan perisai kepada Awang Brian Haston yang telah memenangi perlumbaan sa-jaub 67 batu itu.

Dayang Jennie Chee Sok Chin pemenang pertama dalam bahagian perempuan dan telah memecahkan rekod-nya sendiri sedang menerima perisai dari Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja.



Peserta2 perlumbaan basikal jarak jauh bertegang urat masing2 hendak menchapai kemenangan.

Perlumbaan basikal jarak jauh anjoran M.B.B.

AWANG Brian Haston dari pasukan Khon Foh Vello, Daerah Belait telah memenangi perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Brian Haston memenangi perlumbaan sa-jaub 67 batu itu dengan mengambil masa 2 jam 53 minit 37.7 sa'at dan di-ikuti oleh Zakib Riahim dari pasukan Zamcy Daerah Brunei-Muara, 1 sa'at kemudian dari pemenang pertama. Tempat ketiga di-menangi oleh Bill Nixon juga dari pasukan Khon Foh Vello dengan mengambil masa 2 jam 53 minit 37.9 sa'at.

Pasukan Khon Foh Vello dari Kuala Belait telah memenangi dalam bahagian berpasokan. Kedua pasukan Kampong Tanjong Nangka dan pemenang ketiga ia-lah pasukan Pakatan Pemuda2 Si-Gantar Alam.

Perlumbaan sa-jaub 10 batu bagi perempuan telah di-menangi oleh Jennie Chee Sok Chin dengan mengambil masa 35 minit 10.4 sa'at dan telah berjaya memecahkan rekod-nya sendiri yang di-chipta-nya dalam tahun lepas.

Tempat kedua di-menangi oleh Noriah Y. dan pemenang ketiga ia-lah Rosy Lam.

Sa-ramai 138 orang peserta termasuk dua orang dari Sarawak telah mengambil bahagian dalam perlumbaan di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei itu.

Ini ada-lah kali yang keempat MBB menganjorkan perlumbaan saperti itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibol Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 perlumbaan tersebut.

Peserta2 perempuan sa-belum memulakan perlumbaan sa-jaub 10 batu dari Sengkuring ka-Bandar Seri Begawan.

Bergotong royong bena rumah sa-orang balu

KILANAS. — Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengusahakan bagi membena sa-buah rumah untuk sa-orang balu berumur 32 tahun, Dayang Natipah binte Haji Radin di-Kampung Kilanas, lapau batu dari Bandar Seri Begawan.

Pembenaan rumah itu telah di-mulakan pada 25 Disember lalu sa-chara bergotong royong oleh ahli2 Persatuan Belia Kilanas dengan kerjasama orang2 kampung.

Papan2 bagi pembenaan rumah itu di-dermakan oleh Awang Haji Abang bin Haji Abdul Rahman dari kilang papan Tutong, sementara atap2 zing di-dermakan oleh Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei/Muara.

501 orang penuntut lulus peperiksaan L.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 501 orang penuntut dari sa-belas buah sekolah Inggeris dalam negeri ini telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang di-adakan dalam bulan Oktober tahun lepas.

Empat ratus enam puluh orang penuntut telah lulus dengan mendapat pangkat 'A' dan 185 lagi pangkat 'B'.

Sa-ramai 135 orang penuntut lain telah lulus dengan mendapat pangkat 'C' dan penun-

tut2 ini akan juga menerima sijil2 dan di-naikkan ka-Tingkatan Empat tahun ini.

Sa-lain dari itu, dua puluh satu orang chalon persendirian telah lulus peperiksaan itu dengan mendapat pangkat 'A', tiga orang pangkat 'B' dan tiga belas orang pangkat 'C'.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, mempunyai bilangan penuntut yang paling ramai lulus dalam peperiksaan itu, bagi Daerah Brunei ia-itu sa-

banyak 37.5 peratus ini di-ikuti oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dengan 34.9 peratus dan Sekolah Saint George 27.3 peratus.

Di-Daerah Belait Sekolah Saint Michael telah mendapat 73.2 peratus, di-ikuti dengan Sekolah St. Angela 66.2 peratus dan Saint John 61.5 peratus.

Keputusan2 penoh peperiksaan itu di-siarkan di-muka muka 6 dan 7.

KEPUTUSAN PENOH PEREREKSAAN L. C. E.

Berikut ia-lah keputusan pereksaan Sijil Pelajaran Rendah — L.C.E. yang telah diadakan dalam bulan Oktober tahun lepas.

MAKTAB S.O.A.S. BANDAR SERI BEGAWAN.

Abd. Aziz bin Bangkol, C; Abd. Ghani bin Md. Yusoff, C; Abd. Hamid bin Hitam, A; Abd. Rahman bin Hj. Mat Noor, C; Abd. Razak bin Hj. Md. Taha, C; Abd. Samad bin Abd. Sani, C; Abd. Kadir bin Awg. Hidar, A; Abd. Kahar bin Haji Wahab, A; Abd. Manap bin Abd. Rahman, A; Abd. Razak bin Muhammed, C; Abdullah bin Abas, A; Abdullah bin Matali, A; Abu Bakar bin Hj. Mina, A; Abu Bakar bin Maksin, A; Ahad bin Bakir, A;

Ahmad Tajudin Abu Bakar, A; Ajak bin Rugo, A; Ak. Abd. Hamid Pg. Mohd. Yassin, A; Ak. Adnan bin Pg. Besar, A; Ak. Barahuddin Pg. Hj. Matassan, A; Ak. Hidar bin Pg. Samsuddin, A; Ak. Kamaluddin bin Pg. Md. Daud, A; Ak. Md. Ali Hanafiah bin Pg. H. Ali, A; Ak. Md. Daud bin Pg. Mohammad, C; Ak. Md. Salleh bin Pg. Syed Shahminan, B; Ak. Md. Salleh bin Pg. Othman, A; Ak. Mohaimin bin Pg. Muhidi, A; Ak. Mohiddin bin Pg. Abd. Momin, C; Ak. Roslan bin Pg. Metussin, B; Ak. Salleh bin Pg. Md. Said, C; Ak. Sallehuddin bin Pg. Yusoff, C;

Ak. Sarifuddin bin Pg. Metali, C; Ak. Yaakub bin Pg. Md. Salleh, A; Ak. Yasmin bin Pg. Mohammad, A; Ak. Yusop bin Pg. Petra, C; Alias bin Abdul Rahman, C; Alihassan bin Batang, B; Amp. Hamzah Amp. Damit, A; Ariffin bin Apong, C; Ariffin bin Buranudeen, A; Asri bin Kasim, A; Awg. Ahmad bin Awg. Burut, C; Awang bin Hj. Mat Daud, A; Awang bin Jaafar, A;

